

## **KENYATAAN DATUK BANDAR**

### **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

#### **MESYUARAT MAJLIS PENUH**

**26 JANUARI 2021**

---

#### **1. PENEMPATAN PENGARAH PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) MBSP**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Tuan Sr. Zulhisyam Bin Abdul, Pegawai Penilaian (Gred W44) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah ditempatkan di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan berkuatkuasa 12 Januari 2021. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

#### **2. MAKLUMAN TEMPOH SAH LAKU KUPON BERCETAK TEMPAT LETAK KERETA (TLK) SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

Dimaklumkan bahawa kupon bercetak tempat letak kereta Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah tamat penggunaan sehingga 31 Disember 2020. Mulai tahun 2021, penggunaan

aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) telah dikuatkuasakan sepenuhnya di kawasan tempat letak kereta berwarta di seluruh Seberang Perai.

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui platform seperti *Google Play Store*, *Apple App Store* dan *Huawei Gallery App*. MBSP berharap semua pihak dapat menyokong usaha-usaha perkembangan teknologi tempat letak kereta pintar iaitu sistem PSP di seluruh Seberang Perai. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan aplikasi PSP boleh menghubungi talian aduan PSP di talian 03-8026 8128 dan talian aduan isu penguatkuasaan tempat letak kereta di talian 04-5402 581/582 (Bahagian Letak Kereta) Direktorat Penguatkuasaan MBSP.

### **3. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DAN PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG (PDA)**

MBSP telah bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) pada tahun 2017 dengan menandatangani MOU pada 21 Disember 2017 dan diteruskan sehingga 31 Disember 2020.

MBSP merupakan **Pihak Berkuasa Tempatan** yang **pertama** telah memperkenalkan konsep inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat dalam Mesyuarat Majlis Penuh, Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis dan program-program yang dianjurkan oleh MBSP. Pendekatan inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat bertujuan memberi peluang kepada semua penduduk Seberang Perai khususnya golongan OKU untuk sama-sama memahami apa yang ingin disampaikan.

Pada tahun 2021, MBSP akan meneruskan kerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) dengan menandatangani MOU selama dua (2) tahun lagi mulai **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022**. Majlis menandatangi MOU ini akan diadakan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa.

#### **4. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM**

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu dan diharapkan kemeriahan ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Hari Thaipusam

disambut pada 28 Januari 2021 (Khamis) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

## **5. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada Penduduk Seberang Perai yang berketurunan cina. Tahun Baru Cina disambut oleh semua kaum tidak kira agama kerana Tahun Baru Cina merupakan aturcara kalendar baru. Tahun Baru Cina disambut pada 12 & 13 Februari 2021 (Jumaat & Sabtu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**